

# Digugurkan sebab gagal bayar yuran

21 APR 1990

4

**S**AYA merujuk kepada kenyataan Haji Ismaon Haji Ali, yang disiarkan dalam ruangan ini (BH 14 April). **SA1**.

Haji Ismaon memang berhak menyatakan kekecewaannya tetapi mengatakan yang beliau terperanjat dengan kenyataan saya itu tidaklah benar.

Saya hanya menjalankan tugas dan menjaga kepentingan Persisi. Yang menggugurkan dua buah kerabat itu bukanlah Jawatankuasa Pentadbir (JKP) 88-90, tetapi Perlembagaan Persisi jelas menyatakan dalam Fasal 7.1 "Yuran Tahunan bersekutu sebanyak \$30.00 hendaklah dibayar. Kerabat yang tidak menjelaskan yuran bersekutu dalam tempoh tiga bulan maka dengan sendirinya gugur akan keanggotaannya."

Persatuan Bawean Singapura (PBS) dan Pertapis tidak menjelaskan yuran bagi tahun 1988 dan 1989 walaupun telah berkali-kali diingatkan baik menerusi surat mahupun dalam mesyuarat Jawatankuasa pentadbir (JKP) 88-90.

Seyogianya diingat bahawa kedua-dua badan itu tidak dihalang daripada menghadiri mesyuarat agung. Mereka hanya diberitahu bahawa mereka tidak berhak mengundi dan diundi, sejajar dengan kehendak Perlembagaan.

Kalau Haji Ismaon masih ingat, kedua-dua wakil Pertapis dalam JKP 88-90 terus menghadiri mesyuarat agung hingga ke akhir walaupun mereka tidak mengundi. Ini menunjukkan mereka masih berminat agar persatuan mereka terus menjadi kerabat Persisi.

Haji Ismaon menyebut tentang undang-undang mesyuarat; tidakkah Perlembagaan mengatasinya? Dan, Perlembagaan sepatutnya diketahui oleh semua yang menjadi anggota dan kerabat Persisi terutama mereka yang mewakili badannya dalam JKP Persisi.

Kekhawatiran saya ialah sekiranya dua buah kerabat itu dibenarkan mengundi dan diundi dan pengaduan dibuat kepada pihak berkuasa yang berkenaan, mesyuarat agung Persisi boleh dikira tidak sah.

Sekiranya dua buah badan itu sedia membayar yuran mereka, saya percaya JKP Persisi 90-92 tidak keberatan untuk menerima mereka semula sebagai kerabat yang sah sebagaimana yang saya jelaskan dalam Mesyuarat Agung tersebut.

**Mohamed bin Kaspari**  
**Setiausaha Kehormat**  
**Persisi**